



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Makalah Akademia




MERUNGKAI KHAZANAH HUTAN SIMPAN BUKIT BINTANG

Oleh



Sharir Aizat Kamaruddin, Aziani Ahmad,
Khairul Naim Abd.Aziz, Zamzila Erdawati
Zainol, Aimie Rifhan Hashim, Nurainun Hanani
Juhari Kangsar, Nur Syafiqah Hashim, Afif
Jazimin Mahadzir, Muhammad Azeem Zulkifli,
Ayyub Sengut
Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi
MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau,
02600, Arau, Perlis, Malaysia



shariraizat@uitm.edu.my

EDITOR: DR. NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Pada 17 hingga 20 Oktober 2022, para pensyarah dari Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perlis yang terdiri daripada En. Sharir Aizat Kamaruddin, En. Khairul Naim Abd.Aziz, Puan Aziani Ahmad dan Puan Zamzila Erdawati Zainol telah menyertai Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Taman Negeri Perlis Fasa III (Hutan Simpan Bukit Bintang) Siri II anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan Kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Ekspedisi ini turut disertai oleh beberapa orang pelajar pascasiswazah iaitu En. Aimie Rifhan Hashim dan Cik Siti Syafiqah Hashim. Pengambilan sampel bahan kajian turut dibantu oleh para pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Marin Lestari iaitu En. Afif Jazimin Mahadzir, Cik Nurainun Hanani Juhari Kangsar dan En. Muhammad Azeem Zulkifli.

Penganjuran ekspedisi ini bertujuan untuk mengumpul, mendokumentasi dan menjalankan kajian saintifik ke atas

kepelbagaian biologi hutan di Taman Negeri Perlis. Data-data yang diperolehi akan dapat membantu jabatan-jabatan tertentu di dalam membuat perancangan strategik dan pemeliharaan sumber-sumber khazanah alam semulajadi yang terkandung di dalam kawasan hutan simpanan kekal tersebut. Tambahan lagi penganjuran ekspedisi saintifik ini mampu mengeratkan ukhwa antara para penyelidik yang terdiri daripada pelbagai universiti dan agensi serta bersama pegawai-pegawai dari jabatan perhutanan secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Para peserta yang mewakili Universiti antaranya adalah Universiti Malaysia Perlis, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA dan sebagainya. Agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Malaysia dan Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia turut serta dalam ekspedisi ini. Kehadiran para peserta pelbagai latar belakang menyemarakkan lagi aktiviti pengambilan data dan pemerhatian alam sekitar.

Ekspedisi kali ini dimulakan dengan taklimat dan pemberian kunci bilik kepada para peserta. Setiap kumpulan telah diberikan dua orang ranger hutan yang sangat berpengalaman untuk membantu proses pengambilan sampel. Peta guna tanah, Bukit Bintang dan penerangan kawasan persampelan telah dipaparkan di Dewan Serbaguna, Kompleks Eko Pelancongan Bukit Ayer, Sungai Batu Pahat, Perlis. Sarapan pagi, makan tengahari serta minum petang juga telah disediakan oleh pihak penganjur. Ekpedisi kali ini telah berakhir pada jam 5.00 petang. Terdapat juga peserta yang menjalankan proses persampelan dan pemerhatian pada sebelah malam. Walaupun dengan keletihan dan lelesuan badan, para peserta membawa pulang memori terindah menyelusuri Hutan Simpan Bukit Bintang yang indah.



Gambar 1: Para penyelidik dari Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perlis bergambar bersama latar belakang poster Ekspedisi. Dari kiri gambar En Khairul Naim Abd. Aziz, Sharir Aizat Kamaruddin, Puan Aziani Ahmad dan Puan Zamzila Erdawati Zainol.



Gambar 2: Variasi para penyelidik UiTM Cawangan Perlis yang diwakili oleh siswazah dan pascasiswazah bergambar di Dewan Serbaguna Jabatan Perhutanan Negeri Bukit Ayer Resort. Dari kiri gambar: Cik Nurainun Hanani Juhari Kangsar, Cik Siti Syafiqah Hashim, En. Afif Jazimin Mahadzir, En Aimie Rifhan Hashim dan En. Muhammad Azeem Zulkifli.

Pada 31 Julai 2023, para peserta telah dijemput kembali untuk membuat pembentangan hasil dapatan di Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Taman Negeri Perlis. Pendaftaran para peserta untuk menginap di Bukit Ayer Resort telah berlangsung pada 31 Julai 2023 pada jam 3.00 petang.

Diseluruh malam pula telah diadakan sesi taklimat berkenaan dengan seminar yang akan berlangsung pada keesokan harinya.

Pada 1 Ogos 2023, telah berlangsung Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Taman Negeri Perlis bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis. Pada jam 9.00 pagi, seminar ini dimulakan dengan perkongsian daripada Pn. Fadhiulah Mohamad dengan tajuk "Potensi Ekopelancongan Di Sungai Batu Pahat" dan disusuri dengan perkongsian oleh Dr. Mohamad Khairi Mohamad Alwi dengan tajuk pembentangan "Penawaran Dan Staretegi Pemerkasaan Pelancongan Kembaraan Berasaskan Pendakian Tanah Tinggi Di Perlis". Pada jam 9.40 pagi seminar diteruskan dengan pembentangan oleh En. Mohd Zulkifli Manaf dengan tajuk perkongsian "Potensi Gua Perlombongan Di Perlis Sebagai Produk Ekopelancongan". Seminar pada sebelah pagi diakhiri dengan sesi soal jawab dan minum pagi.



Gambar 3: Pengambilan sampel biologi (Plankton, sedimen dan kualiti air).



Gambar 4: Kenangan penyelidik UiTM bersama ranger hutan

Pada jam 11 pagi telah bermula sesi perkongsian daripada para peserta ekspedisi. Antara tajuk yang menarik perhatian adalah pembentangan yang telah disampaikan oleh En Muhammad Fatihah Syafik Abd Rahman iaitu *Reptilian Diversity in Bukit Bintang Forest Reserve and Surrounding Areas, Perlis* dan pembentangan oleh En Baizul Hafsyam Badli Sham dengan tajuk *Amphibian diversity in Bukit Bintang forest reserve and surrounding areas, Perlis*. Kedua-dua pembentang ini merupakan dari Universiti Malaysia Terengganu. Antara mencuri tumpuan lagi adalah pembentangan daripada Prof. Madya Dr. Wan Juliana Wan Ahmad dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk "Penilaian Awal Perkhidmatan Ekosistem Menggunkan Toolkit for Ecosystem Services Site-Based Assessment (TESSA) Di Hutan Simpan Bukit Bintang, Taman Negeri Perlis".

Turut menghangatkan lagi sesi pembentangan ini adalah pembentangan mewakili Universiti Teknologi MARA pula yang dibentangkan oleh En Aimie Rifhan Hashim dan Cik Nurainun Hanani Juhari Kangsar yang menarik perhatian para peserta dengan tajuk *Assessment of water quality, abundance of zooplankton and sediment quality at Hutan Simpan Bukit Bintang, Perlis*. Sesi pembentangan diakhiri dengan sesi soal jawab dan pemberian cenderahati. Para peserta bersurai pada jam 5.00 petang.

Di sebelah malam pula telah berlangsung majlis penutup Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Taman Negeri Perlis (Hutan Simpan Bukit Bintang). Majlis pada jam 8.00 malam ini dimulakan dengan persembahan montaj ekspedisi yang amat menarik, dan sesi pergulungan dapatan kajian oleh ketua ekspedisi. Pada malam tersebut, para peserta dan dif-dif jemputan telah menyantuni juadah nasi berlauk. Ucapan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan Ucapan perasmian oleh ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia menyusul kemudiannya. Majlis diakhiri dengan pelancaran buku dan penyampaian cenderahati dan sijil penyertaan.

Diharap Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Taman Negeri Perlis Fasa III (Hutan Simpan Bukit Bintang) Siri II anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan Kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia berjaya mengumpul, dan mendokumentasi hasil kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi hutan di Taman Negeri Perlis. Data-data yang diperolehi akan dapat membantu Jabatan di dalam membuat perancangan dan melestarikan sumber-sumber khazanah alam semulajadi yang terkandung di dalam kawasan hutan simpanan kekal tersebut. Pertemuan para peserta juga mampu menyemarakkan aktiviti penyelidikan. Semoga kehadiran wakil daripada Universiti Teknologi MARA meningkatkan lagi ketampakkan universiti dalam agenda melestarikan alam sekitar terutamanya ekosistem hutan.